

Bekas pelajar IKBN akui banyak timba ilmu yang sesuai dengan pasaran

IKBN mampu bersaing

Kosmo 4/6/12 Ms 10

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD
hafizi.ahmad@kosmo.com.my

KESUSAHAN hidup yang dialami oleh Nurshahida Shahadan, 20, bukanlah batu penghalang bagi dirinya untuk mencapai apa yang diimpikan.

Penderitaan ibunya, Zainab Husain, 52, yang lumpuh sebelah badan akibat diserang penyakit angin ahmar tiga tahun lalu membuatkan Nurshahida tekad untuk berjaya bagi mengubah kehidupan mereka.

Tambahan pula, ayahnya, Shahadan Abdul Ghafar, 72, yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan hanya membuat kerja-kerja kampung untuk menyara mereka sekeluarga cukup membuatkan Nurshahida menginsafinya.

"Hidup kami sekeluarga hanya sederhana. Atas dasar inilah saya bertekad untuk mengubah kehidupan kami supaya lebih senang pada masa hadapan," katanya.

Dia yang merupakan anak ketujuh daripada 11 beradik kemudian mendapat tawaran melanjutkan pengajian ke Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Peretak dalam jurusan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan 2 bidang Pereka Gaya Rambut.

"Pernah ketika belajar dahulu, saya tidak mempunyai wang untuk pulang ke rumah semasa cuti. Kejadian tersebut membuatkan saya tekad untuk belajar

bersungguh-sungguh dan tidak mahu mensia-siakan pengorbanan ibu bapa," katanya yang merupakan anak kelahiran negeri Selangor.

Berkat kesungguhan dan usaha yang tidak pernah mengenal erti putus asa, Nurshahida akhirnya berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang sehingga melayakkan dirinya untuk mendapat Anugerah Graduan Terbaik IKBN 2012 pada Konvokesyen IKBN Kelapan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya baru-baru ini.

Seorang lagi graduan terbaik IKBN 2012, Aminatun Salihah Yusup, 24, berkata, pada mulanya dia tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran ke IKBN kerana menganggap institusi tersebut tidak mampu memberikan pengalaman pembelajaran terbaik kepadanya.

Menurut Aminatun Salihah yang memperoleh purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.58, pandangan tersebut terus berubah apabila dia menjejakkan kaki ke institusi berkenaan.

Beliau yang merupakan bekas belajar IKBN Temerloh memberitahu, institusi berkenaan sememangnya sesuai untuk golongan belia melanjutkan pelajaran mereka.

"Pandangan negatif saya mengenai IKBN hanyalah tempat untuk mereka yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke universiti adalah silap sama sekali. Apabila



NURSHAHIDA



KAMARUL



AMINATUN

belajar di sini, barulah saya sedar institusi ini boleh melahirkan golongan belia yang mampu bersaing di pasaran kerja," jelasnya yang bercita-cita untuk menjadi penyarah pada masa hadapan.

Anak ketujuh daripada 12 beradik itu berkata, dia kini sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Kimia Makanan di Universiti Kuala Lumpur Malaysia Institute of Chemical & Bioengineering Technology, Alor Gajah, Melaka.

Sementara itu, bagi Kamarul Arifin Md. Saril, 23, pengalaman ketika dia belajar di IKBN Alor Gajah banyak memberikan pengalaman kepada dirinya.

Dia yang kini bekerja sebagai Penjaga Jentera Elektrik di Tenaga Nasional Berhad berkata, corak pembelajaran yang diterapkan di IKBN nyata berjaya membentuk disiplin yang tinggi dalam kalangan pelajarannya.

"Pada sebelah pagi saya diberi latihan kawad. Selepas selesai berkawad, saya terus bersiap untuk memulakan pembelajaran. Aktiviti sebegini boleh menyihatkan tubuh serta membentuk disiplin saya," jelasnya yang merupakan anak ketiga daripada empat beradik.

Ketika ditanya rahsia kejayaan sehingga bergelar salah seorang Graduan Terbaik IKBN 2012, Kamarul Arifin memberitahu, usaha yang tidak mengenal erti jemu

serta dorongan semangat daripada ibu bapanya merupakan kunci kejayaan yang diraih.

"Apabila belajar, saya akan belajar bersungguh-sungguh dan apabila bermain, saya akan bermain bersungguh-sungguh," katanya yang mengambil program Diploma Teknologi Elektrik.

“

Pernah ketika belajar dahulu, saya tidak mempunyai wang untuk pulang ke rumah semasa cuti. Kejadian tersebut membuatkan saya tekad untuk belajar bersungguh-sungguh dan tidak mahu mensia-siakan pengorbanan ibu bapa

NURSHAHIDA

PENERIMA Anugerah Graduan Terbaik IKBN
2012 pada Konvokesyen IKBN kelapan berkongsi
kejayaan mereka di Putrajaya baru-baru ini.

